

NO. SOALAN: 23

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG [SEGAMBUT]

TARIKH : 28 MAC 2018

RUJUKAN : 10613

SOALAN:

Tuan Lim Lip Eng [Segambut] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan boleh atau tidak orang awam dan pihak yang diambil tindakan mengambil gambar atau merakam video semasa operasi serbuan polis. Mengapa tidak mewajibkan polis merakam video serbuan mereka demi ketelusan serta menjamin tiada rasuah dan salah guna kuasa.

35

JAWAPAN:

Tuan Yang DiPertua,

Penggunaan kamera untuk mengambil gambar atau merakam video oleh orang awam semasa operasi atau serbuan PDRM dengan niat atau tujuan yang baik untuk mendedahkan pelanggaran prosedur atau tindakan yang tidak wajar dilakukan oleh pihak berkuasa tidak menjadi satu kesalahan. Namun, adalah menjadi satu kesalahan di bawah Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588) sekiranya fakta sebenar diputarbelitkan atau menyebarkan berita palsu yang boleh menimbulkan keresahan kepada masyarakat.

PDRM telah bertindak secara proaktif dengan memperkenalkan "*Body Video Camera*" untuk kegunaan "*patrolmen*" Unit Rondaan Bermotosikal (URB) sejak tahun 2016. Sebagai projek perintis, sebanyak 700 unit "*Body Video Camera*" telah diagihkan kepada URB di seluruh negara dengan tujuan seperti berikut:

- i) merekodkan penugasan harian, insiden-insiden atau kejadian yang menarik perhatian, maklumat-maklumat kejadian jenayah atau identifikasi suspek, bahan bukti jenayah serta perkara-perkara penting yang boleh membantu melancarkan tugas harian URB; dan
- ii) sebagai bukti bagi menjawab aduan dan tohmahan yang dibuat ke atas anggota-anggota "*Patrolmen*" URB.

Langkah mewajibkan pemakaian "*Body Video Camera*" oleh PDRM semasa serbuan atau tangkapan untuk tujuan mengelak salah guna kuasa atau tindakan yang tidak sewajarnya oleh anggota yang terlibat perlu melibatkan kajian menyeluruh meliputi perkara-perkara seperti berikut:

- i) keselamatan diri anggota yang bertugas kerana membawa senjata api, peluru tambahan, gari dan *Walkie Talkie*, baju kalis peluru, *pepper spray*, bom asap dan sebagainya. Justeru, perlu dikaji sama ada ia mengganggu pergerakan atau membahayakan anggota berkenaan jika peralatan tersebut dibawa bersama memandangkan ia mempunyai aksesori tambahan;
- ii) kemahiran dan penjagaan peralatan tersebut perlu diselaraskan supaya ia tahan lama dan hanya anggota berkemahiran boleh mengendalikannya; dan
- iii) kos penyediaan peralatan termasuk latihan kepada anggota PDRM.